

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 DECEMBER 2016

# Pencapaian ekonomi, aspek kemanusiaan jayakan TN50

BH-13/12/2016

➔ Perluan komitmen, penyertaan menyeluruh rakyat

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

► Putrajaya

**K**ejayaan Dasar Transformasi Nasional (TN50) tidak hanya bergantung kepada pencapaian hebat dalam ekonomi semata-mata, tetapi aspek kemanusiaan yang memerlukan komitmen dan penyertaan menyeluruh rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata rakyat perlu bersatu dan

memberi keutamaan kepada isu pokok seperti keselamatan dan pendidikan, bukan bertelagah dalam isu cabang seperti ideologi dan perbezaan budaya.

“Kita tidak mahu Malaysia hanya maju dalam bidang ekonomi, tetapi masyarakatnya bobrok, akhlaknya runtuh dan peribadinya tiada nilai al-Quran.

“TN50 bukan hanya mengenai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) sebagai asasnya, tetapi dari segi akhlak dan aliran kemanusiaan,” katanya ketika melancarkan Alumni Sekolah Menengah

(SM) Imtiaz Ulul Albab Melaka di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Pengerusi Y2G-Ulul Albab Center of Excellence, Datuk Hisham Abd Majid, pusat yang menguruskan sekolah berkenaan dan Timbalan Pengetua sekolah, Zakhwan Hafif Hafiz Zakaria.

## Sumbang bakti

Selain itu, Zahid yang juga pengasas SM Imtiaz Ulul Albab Melaka berharap kumpulan alumni pertama seramai 39 orang itu akan menjadi golongan bijak pan-

dai yang menyumbang kembali kepada agama, bangsa dan negara.

SM Imtiaz Ulul Albab Melaka yang terletak di Masjid Tanah, Melaka mula beroperasi pada Februari 2012, dengan kumpulan pertama seramai 89 pelajar Tingkatan Satu.

Sistem pendidikan yang diguna pakai di sekolah berkenaan adalah berkonsepkan kurikulum kebangsaan dan program al-Quran, termasuk subjek agama yang dirangka mengikut kesesuaian serta keperluan semasa.